

NO. SOALAN: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]

TARIKH 15MAC 2016

8578

RUJUKAN

SOALAN:

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kes penipuan dan jumlah kerugian membabitkan kes penipuan pembelian di internet bagi tahun 2012, 2013, 2014, 2015 dan tiga bulan pertama tahun 2016 di seluruh negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sedar dan peka terhadap trend jenayah kolar putih masa kini yang telah menunjukkan peningkatan setiap tahun. Fenomena peningkatan jenayah seumpama ini bukan berlaku di Negara ini sahaja tetapi turut berlaku di seluruh dunia memandangkan penggunaan Internet atau urusan atas talian telah menjadi budaya masyarakat masa kini. Masyarakat kini lebih cenderung untuk berurusan atau membuat pembelian menggunakan Internet daripada pembelian secara konvensional dan secara tidak langsung mereka juga terdedah menjadi mangsa penipuan jenayah Siber ini. Antara kes penipuan yang dilakukan adalah menjual barangan yang tidak asli, barangan yang dijual tidak menepati spesifikasi seperti diiklankan di Internet dan barangan yang dibeli tidak dihantar walaupun telah dibuat pembayaran.

Statistik berkaitan penipuan pembelian melalui internet yang dilaporkan bagi tahun 2012 sehingga 2016 (Februari) di seluruh negara seperti berikut:-

2012	1737	5,080,188.57
2013	1960	9,435,114.57
2014	1625	5,723,084.70
2015	2669	9,200,228.83
2016 (Jan-Feb)	659	1,641,093.26
JUMLAH	8650	31,079,709.93

Bagi tujuan menangani kes-kes penipuan e-dagang ini, pelbagai inisiatif telah diambil oleh pihak polis termasuk menjalankan kempen-kempen kesedaran kepada pengguna seperti Program Pencegahan Jenayah Siber melalui forum terbuka dan menyampaikan mesej kesedaran tentang trend jenayah Siber melalui ceramah dengan kerjasama agensi Kerajaan yang berkaitan serta Badan Bukan Kerajaan (NGO). Kerjasama juga diwujudkan dengan agensi-agensi lain bagi membantu pihak polis mengesan seterusnya menangkap penjenayah yang membabitkan kes penipuan Siber seperti Unit Keselamatan Siber, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan juga syarikat penyedia talian telekomunikasi.

